

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TING 3

BAHAGIAN B

[20 markah]

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ (30) وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۚ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ خُيُوبِهِنَّ ۚ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرَ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۚ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۚ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (31)

(Surah an-Nur : 30 – 31)

Ayat di atas menjelaskan tentang suruhan Allah SWT supaya menjaga kehormatan diri.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

mendengar	menyalahi	menepati	melihat	perkataan	perbuatan
-----------	-----------	----------	---------	-----------	-----------

- (i) Pandangan mata yang syarak akan menjerumuskan seseorang kepada keburukan.
- (ii) Kita hendaklah bercakap yang baik, lemah lembut dan bersopan.
- (iii) Umat Islam wajib berpakaian yang kehendak syarak.
- (iv) Allah SWT memerintahkan hamba-Nya menjaga pandangan mereka daripada yang haram.

[4 markah]

(b) Jelaskan dua panduan yang boleh dilakukan untuk menundukkan pandangan.

- (i).....
- (ii).....

[2 markah]



- (c) Ramalkan situasi yang akan berlaku sekiranya remaja Islam tidak memelihara kehormatan diri.

.....

.....

.....

.....

.....


[4 markah]

- 2 (a) Sabda Rasulullah S.A.W :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ كُلُّ سُلَامَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ
 صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ، تَعْدِلُ بَيْنَ الْإِنْسَانَيْنِ صَدَقَةٌ ، وَتُعِينُ الرَّجُلَ فِي
 دَائِبِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ ، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ،
 وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ ، وَتُمِيطُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ. (رواه
 البخاري ومسلم)

Hadis di atas menjelaskan tentang amalan-amalan yang dikira sebagai sedekah.

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



(b) Terangkan **dua** pengajaran yang dapat diambil daripada hadis.

- (i)
-
- (ii)
-

[4 markah]

(c) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

Beriman kepada hari akhirat bermaksud yakin kewujudan hari kehancuran seluruh alam semesta dan kebangkitan semula yang kekal abadi untuk menerima pembalasan sama ada syurga atau neraka.

- (i)
- (ii)
- (iii)
- (iv)

[4 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

3 Tulis **(AG)** pada pernyataan yang berkaitan dengan sifat **al-Ghaniy** Allah SWT dan **(AR)** pada
(a) pernyataan yang berkaitan dengan sifat **al-Razzak** Allah SWT.

i) Allah SWT tidak berhajat kepada ketaatan makhluk-Nya sebaliknya
semua makhluk berhajat kepada Nya

(ii) Allah SWT berjanji menambahkan nikmat-Nya kepada hamba yang
bersyukur.

(iii) Allah SWT berkuasa melapangkan dan menyempitkan rezeki hamba-
hamba-Nya

(iv) Allah SWT menguasai seluruh makhluk di langit dan di bumi.

[4 markah]

(b) TULIS jawapan yang **betul**.

(i) Kita hendaklah meyakini pengutusan 25 orang rasul yang disebut dalam al-Quran
secara (khusus / umum).

(ii) Sifat wajib bagi rasul ialah (khianah / fatonah) iaitu bersifat bijaksana.

(iii) (Kitab / Suhuf) ialah kalam Allah SWT yang mengandungi hukum dasar, kata-kata
hikmah dan pengajaran kepada manusia.

(iv) Hikmah beriman kepada al-Quran dapat membentuk masyarakat yang berperibadi (
mulia / keji)

[4 markah]

(c) Berikan maksud akidah dari segi istilah.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (d) Allah SWT berkuasa mengazabkan sesiapa yang melakukan dosa dengan azab yang sangat pedih.

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan bagaimana anda mengelakkan diri daripada perkara di atas.

.....

.....

.....

.....

..... [4 markah]

- (e) (i) Nyatakan tugas malaikat Izrail dan malaikat Malik.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Beriman kepada malaikat menjadikan seseorang itu berasa gerun untuk melakukan keburukan dan kejahatan.

Huraikan hujah anda bagi penyokong pernyataan di atas.

.....

.....

.....

.....

..... [4 markah]

BAHAGIAN D

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** syarat solat berjemaah.

1.

2.

[2 markah]

- (ii) Solat berjemaah melahirkan masyarakat yang berdisiplin dan patuh kepada arahan pemimpin.

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

Wajib	Sunat	Harus	Makruh	Haram
-------	-------	-------	--------	-------

1. Hamdi mengeluarkan zakat fitrah selepas solat hari raya Aidil Fitri
2. Ammar memberikan seekor kambing kepada asnaf zakat sebaik sahaja kambingnya cukup 40 ekor.
3. Puan Aini mengqada puasa Ramadhan pada 11 dan 12 Zulhijjah.
4. Jamilah dan ibunya telah berpuasa pada 9 dan 10 Muharram.

[4 markah]

- (c) Tandakan (B) bagi pernyataan yang betul dan (S) bagi pernyataan yang salah mengenai Aidil Fitri dan Aidil Adha.

No.	Pernyataan	(B) atau (S)
(i)	Aidil Adha ialah hari raya umat Islam yang disambut pada 1 Syawal.	
(ii)	Amalan sunat Aidil Fitri ialah makan sedikit sebelum menunaikan solat sunat.	
(iii)	Disunatkan pergi dan balik dari tempat solat melalui jalan yang berlainan.	

[3 markah]

- (d) Terangkan **dua** kelebihan mengamalkan qiamullail.

- (i)
-
- (ii)
-

[4 markah]

- (e) Garis jawapan yang **betul** di dalam kurungan.

- (i) Alat yang boleh digunakan untuk beristinjak ialah (daun kering / tisu basah).
- (ii) Bahan-bahan yang (licin / kesat) tidak boleh digunakan untuk beristinjak.
- (iii) Benda yang dihormati seperti makanan (harus / haram) digunakan untuk beristinjak.


[3 markah]

BAHAGIAN E

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 5 (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



[3 markah]

- (b) Tandakan (B) pada pernyataan yang betul dan (S) pada pernyataan yang salah mengenai hijrah Rasulullah SAW.

No.	Pernyataan	(B) atau (S)
(i)	Rasulullah SAW keluar bersama-sama Saidina Abu Bakar as-Siddiq dan bersembunyi di Gua Thur.	
(ii)	Pasa 18 Rabiul Awwal, Rasulullah SAW tiba di Quba' dan membina rumah kediaman.	
(iii)	Isi Perjanjian Aqabah Kedua ialah penduduk Madinah berjanji akan melindungi Rasulullah SAW seperti keluarga sendiri.	

[3 markah]

- (c) Terdapat beberapa peristiwa penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW yang perlu dihayati oleh semua umat Islam. Jelaskan **empat** peristiwa penting tersebut berdasarkan usia baginda di bawah.

(i) 25 tahun :

.....

(ii) 40 tahun :

.....

(iii) 53 tahun :

.....

(iv) 63 tahun :

.....

[4 markah]


(d) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

doa	berharta	tiga	pewaris	lima
-----	----------	------	---------	------

- (i) Allah SWT meninggikan darjat orang yang berilmu mengatasi kedudukan orang yang
- (ii) Orang yang berilmu menjadi para nabi dan pemimpin ke jalan kebaikan.
- (iii) Orang yang bermusafir hendaklah melantik seorang ketua jika melebihi orang.
- (iv) Disunatkan memperbanyakkan sepanjang bermusafir.

[4 markah]

(e)



Menyebarkan atau berkongsi maklumat dalam media sosial tanpa usul periksa berleluasa pada masa kini. Pada pendapat anda, apakah faktor berlakunya situasi di atas?

.....

.....

.....

.....

..... [4 markah]

(f) Jelaskan **dua** kepentingan sifat malu dalam kehidupan.

- (i)
-
- (ii)
-

[2 markah]